

Parit tersumbatancam penduduk

Bimbang risiko dijangkiti demam denggi akibat pembiakan Aedes

Oleh Hafizzul Mohamad

bhnews@bharian.com.my

KAPAR: Kira-kira 600 penduduk di Kampung Batu 9 di sini berdepan risiko dijangkiti demam denggi berikutan masalah parit tersumbat yang menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Selain itu, parit di kawasan berkenaan turut diliputi tumbuhan liar sehingga menimbulkan kebimbangan kemungkinan ia menjadi tempat tinggal haiwan berbisa, sekali gus menjadi ancaman keselamatan kepada penduduk sekitar.

Penduduk, Mohamad Zainuddin Abdullah Muttalib, 54, berkata kegagalan pihak bertanggungjawab melaksanakan kerja pembersihan dan kutipan sampah dengan sempurna menyebabkan masalah itu terus berlarutan.

“Keadaan parit di kampung kami ini amat menghibakan sesiapa saja yang melihatnya. Sudah lama ia tidak diselenggarakan oleh pihak yang berwajib dan kami malu dengan keadaan persekitaran di sini terutama apabila ada tetamu mahupun sanak-saudara dari luar datang berkunjung ke rumah,” katanya.

Mohammad Diyauddin Mohammad Sharifuddin, 48, berkata keadaan ter-

babit dikhuatiri mengundang masalah kesihatan kepada penduduk sekitar, terutama di kalangan kanak-kanak.

“Anak saya selalu bermain di halaman rumah yang berhampiran parit ini pada waktu petang. Saya bimbang mereka terdedah kepada penyakit.

“Saya pun tidak tahu apa binatang bisa yang bersarang di celah semak yang ada di parit ini,” katanya.

Siti Zaayah Mohamad Isa, 47, pula meminta pihak bertanggungjawab mengambil tindakan segera untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

“Saya tidak mahu apabila ada malapetaka atau sesuatu yang tidak



*Sudah lama ia tidak
diselenggarakan oleh pihak
yang berwajib dan kami
kadang kala malu dengan
keadaan persekitaran di sini*

**Mohamad Zainuddin
Abdullah Muttalib**

Penduduk



KEADAAN parit yang tidak terurus sehingga menimbulkan ketidakselesaan kepada penduduk Kampung Batu 9, Kapar.

diingini berlaku, baru semua pihak hendak buka mata dan ambil tindakan. Ketika itu, semuanya sudah terlambat kerana musibah sudah berlaku,” katanya.

Tinjauan *Sentral* mendapati keadaan parit yang tersumbat sejak sekian lama, menyebabkan air tidak

mengalir dan bertakung, sekali gus boleh menjadi tempat pembiakan Aedes.

Parit yang tersumbat mengakibatkan air tidak dapat mengalir, seterusnya menjadi sarang Aedes membiak dan ia diburukkan lagi apabila hujan.

● HAFIZZUL MOHAMAD | BERITA HARIAN